

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

SKIM PERKHIDMATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
--------------------------	--------------------------------------

Klasifikasi Perkhidmatan	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
Jumlah kekosongan	:	SEPULUH (10)
Kadar Upah	:	RM 54.00 Sehari
Jabatan	:	PENGUATKUASAAN/PERBENDAHARAAN
Taraf	:	PEKERJA SAMBILAN HARIAN(PSH)

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - a) Warganegara Malaysia ;
 - b) Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Melayu dan Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - c) Mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah dan lesen memandu kelas D.
 - d) Sihat tubuh badan dan berumur tidak kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan.

DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab terhadap operasi kutipan tunggakan cukai taksiran dan tempat letak kereta.
2. Bertanggungjawab terhadap penyerahan notis, waran dan bil cukai taksiran. Dan kesalahan tempat letak kereta.
3. Memastikan kutipan balik tunggakan cukai ke atas kes-kes yang dikenakan tindakan waran tahanan mencapai kadar sasaran yang ditetapkan.
4. Menjalankan tugas "task force" pemulihan data bersama Jabatan Penilaian. Penguatkuasaan dan lain-lain Jabatan bagi tujuan kutipan hasil Majlis.
5. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan pegawai dari masa ke semasa

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK <http://www.mpkk.gov.my/ms/mp-kulim/sumber/muat-turun-borang/e-borang>
- 2) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
 - a) 2 keping gambar berukuran passport
 - b) Salinan Sijil Kelahiran
 - c) Salinan Kad Pengenalan
 - d) Salinan Sijil Peperiksaan
 - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan.
- 3) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah.
- 4) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 5) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULIM,
NO. 1, LEBUH BANDAR 2
BANDAR PUTRA,
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)

6) Tarikh Tutup Permohonan: 31 JANUARI 2017

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W4-1

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN

KUMPULAN : PELAKSANA

PERKHIDMATAN

GRED GAJI/JAWATAN : W4-1

JADUAL GAJI : T1:RM955.00 - T20:RM2780.00

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T1); atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Perakaunan [Kerani Akaun (*Account Clerk*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T2); atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T2); atau
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Perakaunan [Penyelia Akaun (*Account Supervisor*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T3); atau

(e) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T3); atau

(f) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T4).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab ke atas tugas-tugas kewangan sepenuh masa dengan membantu pihak pengurusan/penyelia dalam urusan-urusan seperti berikut:

- Menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan.
- Mengurus dan mengawal peruntukan.
- Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan.
- Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar.
- Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai, pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan.